



TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YANG BERBAHAGIA TUAN HAJI MOHD.
SHAHABUDDIN BIN OMAR
SETIAUSAHA PERSEKUTUAN NEGERI
SARAWAK**

**SEMPENA PROGRAM KESEDARAN
KESIHATAN MENGENAI PENULARAN
WABAK NOVEL CORONAVIRUS**

**ANJURAN MAJLIS KESELAMATAN
NEGARA, NEGERI SARAWAK
DI AUDITORIUM TINGKAT 17, BANGUNAN
SULTAN ISKANDAR, KUCHING
PADA 6 FEBRUARI 2020 (KHAMIS)**

TERIMA KASIH KEPADA SAUDARA
PENGACARA MAJLIS

YANG DIHORMATI ENCIK SOPHIAN
ISSWANDY BIN ISMAIL

PENGARAH KESELAMATAN NEGERI
SARAWAK

YANG BERUSAHA KETUA-KETUA JABATAN,
BARISAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN
JABATAN DAN AGENSI PERSEKUTUAN
NEGERI SARAWAK

TUAN-TUAN, PUAN-PUAN, PARA HADIRIN
YANG DIHORMATI SEKALIAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Dan Salam Sejahtera

1. Alhamdulillah, pertama sekali saya ingin memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat ilahi atas limpah dan kurnianya dapat kita bersama-sama hadir bagi menjayakan Program Kesedaran Kesihatan Mengenai Penularan Wabak Novel Coronavirus pada hari ini.

2. Di sini, saya ingin mengambil kesempatan untuk menzahirkan ucapan syabas kepada majlis keselamatan negara negeri Sarawak kerana telah berjaya menganjurkan program pada hari ini dan saya turut berbesar hati kerana diberi peluang untuk menyampaikan sedikit amanat dan seterusnya merasmikan program pada petang ini.

3. Setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada hadirin sekalian kerana sudi

meluangkan masa untuk hadir bersama-sama bagi menjayakan program ini. sesungguhnya kehadiran dan penglibatan tuan/ puan menunjukkan kesungguhan dan komitmen dalam mengurangkan risiko penularan wabak Novel Coronavirus ke dalam negara ini dan juga menangkis penyebaran berita palsu secara berleluasa.

4. Para hadirin yang saya muliakan, seperti yang kita sedia maklum, wabak Novel Coronavirus atau nama singkatannya 2019-NCOV telah diisytiharkan sebagai kecemasan kesihatan global oleh *World Health Organization* (WHO) yang mana petugas di pintu-pintu masuk negara adalah antara yang paling terdedah dengan wabak tersebut. penularan wabak yang mula dikesan di Wuhan, China sejak Disember 2019 kini semakin pantas merebak menyebabkan pembendungan penularan wabak ini perlu dilaksanakan dengan lebih proaktif.

5. Adalah diingatkan bahawa pendekatan yang lebih serius perlu diambil seperti mengoptimumkan penggunaan alat pencegahan seperti penutup mulut dan hidung, sarung tangan dan lain-lain. kaedah pemakaian alat pencegahan yang betul dapat mengelakkan berlakunya pembaziran memandangkan kuantiti alat-alat pencegahan terutamanya penutup mulut dan hidung di seluruh negara kini semakin berkurangan.

6. Pada 1 Februari yang lepas, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg memutuskan untuk menyekat kemasukan warga China ke negeri ini. Hal ini berkuat kuasa serta merta selari dengan arahan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak. Namun, sekatan tersebut dikecualikan bagi pemegang pas pekerjaan, pas pelajar dan pas sosial jangka panjang. Bagaimanapun, mereka diwajibkan

untuk menjalani kuarantin di kediaman sendiri selama 14 hari.

7. Hadirin sekalian, kerajaan negeri Sarawak telah membeli peralatan kit ujian darah pantas yang bernilai rm10,000.00 setiap satu dan diletakkan di kesemua pintu-pintu masuk sempadan negeri ini. Ia dapat mempercepatkan pengesanan serta pengesahan keputusan wabak 2019-NCOV ini.

8. Di negeri Sarawak juga mempunyai dua (2) pengimbas haba badan penumpang iaitu di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching dan Miri. Kerajaan negeri Sarawak juga telah memutuskan untuk membeli dua (2) lagi pengimbas haba yang bernilai rm120,000.00 setiap satu untuk diletakkan di Lapangan Terbang Sibu dan juga Bintulu.

9. Selain keputusan membeli peralatan tersebut, kerajaan negeri Sarawak juga menyediakan Borang Pengisytiharan Kesihatan untuk kemasukan ke negeri ini sebagai langkah berjaga-jaga dalam menangani wabak ini. Pusat kuarantin juga dicadangkan untuk diwujudkan di Kolej Kesihatan Batu 7 dengan kemudahan sebanyak 120 buah bilik yang mampu memuatkan seramai 1,000 orang pesakit.

10. Hadirin sekalian, sebagai penjawat awam, adalah menjadi tanggungjawab kita dalam menangkis sebarang penularan maklumat dan berita palsu. Lebih-lebih lagi dalam keadaan yang mana penyebaran berita palsu berlaku dengan sangat pantas di kalangan masyarakat kita. perkara ini boleh menimbulkan perasaan panik di kalangan masyarakat dan seterusnya menjejaskan kemakmuran serta keselamatan negara.

11. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail amat menegaskan kepada kita semua untuk tidak mencetuskan sebarang isu yang boleh menimbulkan keadaan huru-hara dengan menangkis sebarang penyebaran berita palsu terutamanya mengenai penularan 2019-ncov ini. Terdapat peruntukan kepada mereka yang menyebarkan berita palsu iaitu di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi Dan Multimedia yang mana penyebar berita palsu akan disiasat serta diambil tindakan berat. Oleh itu, sekiranya “Tidak Pasti, Jangan Kongsi”.

12. Oleh yang demikian, diharapkan agar program sebegini dapat dimanfaatkan sebaik mungkin oleh anda semua dan sebarang kekeliruan boleh diutarakan kepada yang pakar. Kita sebagai tulang belakang negara adalah sumber kekuatan bagi menangkis sebarang bentuk ancaman daripada memasuki negara kita. Perkhidmatan awam terutamanya jabatan

dan agensi Persekutuan negeri Sarawak perlu mengambil sikap yang proaktif dalam menyediakan perkhidmatan yang terbaik seterusnya menjadi contoh kepada masyarakat.

13. Sekali lagi, saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah bertungkus lumus dalam menjayakan program pada hari ini di sebalik kesibukan dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan.

14. Oleh itu, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Program Kesedaran Kesihatan Mengenai Penularan Wabak Novel Coronavirus Bagi Tahun 2020 ini.

Sekian, Wabillahitaufiq Walhidayah
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.